



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

KUALITI PERKHIDMATAN KESIHATAN DITINGKATKAN DENGAN PENAMBAHAN 316 KATIL MELALUI PEMBINAAN 1 BLOK TAMBAHAN 10 TINGKAT DI HOSPITAL SEBERANG JAYA, PULAU PINANG

SEBERANG JAYA, PULAU PINANG – Kerajaan MADANI menyerahkan satu lagi projek siap berorientasikan rakyat iaitu pembinaan 1 Blok Tambahan 10-tingkat di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang. Saya bersama YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyaksikan sesi penyerahan projek ini daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia selaku agensi pelaksana kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaku pemilik projek.

2. Projek 1 Blok 10-tingkat Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang dengan kontrak asal bernilai RM371 juta ini dimulakan dengan pemilikan tapak pada 16 Mei 2016 dan Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 12 April 2025. Projek ini dilaksanakan secara konvensional perunding di bawah seliaan Pengarah, Pasukan Projek Khas 1 (PPK1), JKR Malaysia selaku Pegawai Penguasa.

3. Bangunan blok tambahan ini dibina di kawasan padang hospital sedia ada yang terletak atas sebahagian Lot 4383, Daerah Seberang Perai Tengah dengan keluasan 3.26 ekar. Lokasi ini amat strategik kerana terletak bersebelahan dengan laluan utama Lebuhraya Utara Selatan dan tidak jauh dari jambatan Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa, Pulau Pinang.

4. Pembinaan Blok Bertingkat, Hospital Seberang Jaya ini menyediakan kemudahan rawatan perubatan dan ruangan kerja lebih lengkap bagi menampung pesakit yang kian bertambah. Penyediaan fasiliti ini berupaya meningkatkan ekosistem perkhidmatan kesihatan meliputi penyediaan prasarana dan kapasiti perkhidmatan lebih baik selaras dengan tiga Nilai Teras Malaysia MADANI iaitu Kesejahteraan, Kemampanan dan Lhsan.

5. Perkhidmatan yang disediakan adalah perubatan rehabilitasi, kardiologi dan kardiotorasik pediatrik serta menjadi pusat rujukan bagi zon utara. Bilangan katil juga bertambah daripada sebanyak 413 katil kepada 729 katil iaitu penambahan 316 katil atau 77%.

6. Skop projek ini merangkumi pembinaan 1 blok tambahan 10-tingkat, blok bangunan mekanikal dan elektrik, bangunan sokongan (*ancillary building*) seperti rumah pam dan tangki sedut, rumah sampah klinikal, rumah sampah domestik dan juga kerja infrastruktur serta kerja luar bangunan. Pelaksanaan pembinaan projek ini menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri atau *Industrialised Building System* (IBS) dengan pencapaian penilaian skor IBS melebihi 70%.

7. Turut hadir dalam majlis bersejarah ini ialah YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, YBhg. Datuk Wira Ir. Roslan Bin Ismail, Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia, YBhg Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kerja Raya serta

Pengurusan Tertinggi dari KKM dan KKR.

8. Saya mewakili Kementerian Kerja Raya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Kesihatan atas kepercayaan serta kerjasama yang telah diberikan, khususnya dalam aspek penyeliaan di tapak hingga projek ini disiapkan. Pengalaman dan pengajaran (*experience and lesson learned*) sangat berguna untuk panduan dalam pelaksanaan projek sebegini pada masa hadapan.

9 Saya juga telah mengarahkan JKR Malaysia untuk memantau dengan rapi prestasi kontraktor untuk melaksanakan tanggungjawab dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) supaya tiada perkara yang tertangguh serta kerja-kerja dilakukan selaras dengan peraturan berkuat kuasa.

#TAMAT#

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
2 MEI 2025

#KKR
#KearahKesejahteraanRakyat
#MYJalan
#KerajaanMADANI
#MADANI Bekerja